

[\(https://news.usm.my\)](https://news.usm.my)

Berita Mutakhir

▼

14 SEP USMKK LAKSANA IBADAH KORBAN BERSAMA PENDUDUK



KUBANG KERIAN, KELANTAN, 14 September 2016 - Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan mengadakan program ibadah korban bersama penduduk sekitar mukim Kampus Kesihatan hari ini.

Program sempena Hari Raya Aidiladha 1437H ini istimewa kerana penggembangan kerjasama pelajar dan staf USM serta penduduk melapah daging lembu untuk diagihkan kepada mereka yang terlibat.

Menurut Pengarah Kampus Kesihatan/Penolong Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mafauzy Mohamed, Iapan ekor lembu disembelih dan diuruskan secara gotong-royong yang disertai oleh kira-kira 50 orang staf dan mengagihkan 200 kilogram daging kepada mereka yang memerlukan.

"Selain itu, kita turut bergotong royong menyediakan juadah kenduri untuk semua dalam mengeratkan hubungan silaturrahim dengan penduduk setempat," kata Mafauzy.

Yang turut hadir dalam program ini ialah Timbalan Pengarah Pusat Islam Kampus Kesihatan, Professor Madya Dr. Haji Wan Nudri Wan Daud.

Teks/Foto: Eddy Masry Mohamed

Suntingan: Nik Sheila Erini Che Mat Kamel



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015